


Focus Dynamics tubuh perniagaan penjagaan kesihatan

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Januari 21, 2021 @ 5:43pm

mahanum_aziz@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Focus Dynamics Group Bhd (Focus) menubuhkan Focus Medicare Sdn Bhd (Focus Medicare) bagi mewujudkan platform digital untuk produk penjagaan kesihatan atas kaunter (OTC), sebagai tambahan kepada pelan strategiknya memasukkan keseluruhan rangkaian produk pengguna berdasarkan makanan ke dalam ekosistemnya.

Selain membekalkan produk perubatan OTC asas seperti sarung tangan nitril pakai buang, sanitasi berdasarkan minyak tanaman organik dan topeng muka pembedahan pakai buang, Focus Medicare juga akan merangkumi makanan tambahan berdasarkan nutrisi dan organik dalam barisan produknya.

Focus Medicare akan menerajui pembangunan ePharmacy, farmasi automatik dan aplikasi pemantauan kesihatan mudah alih, yang mana adalah platform perkhidmatan inovatif, menyediakan pengguna dengan akses lancar kepada bekalan perubatan dan produk kesihatan.

Focus juga akan bekerjasama dengan rakan kongsi ternama untuk membangunkan industri produk penjagaan perlindungan khusus seperti sarung tangan, topeng muka dan sanitasi untuk industri makanan dan minuman (F&B).

"Penjagaan kesihatan dan kebersihan telah menjadi tumpuan utama pengguna untuk beberapa waktu pada masa ini, dan dalam sembilan bulan lalu, industri F&B terpaksa merevolusikan dirinya dengan norma baharu, kesedaran mengenai makanan sihat dan produk kebersihan telah meningkat," kata Pengarah Eksekutif Focus, Benson Tay dalam satu kenyataan.

Strategi untuk menggabungkan senarai produk makanan yang berfokus kepada kesihatan, pemakanan tambahan, dan kesihatan umum adalah tambahan kepada peluasan ekosistem yang dibangunkan oleh Focus, menggunakan teknologi digital, konsep inovatif dan automasi bagi mewujudkan platform hujung-ke-hujung dengan semua rakan kongsi, dengan pelbagai aliran pendapatan merentasi ekosistem.

"Peralihan kepada perubatan dan kesihatan OTC ini dibuat dalam jangka pendek, namun, ia akan menjadi perjalanan yang panjang dan menarik dalam membangunkan pasaran baru memandangkan kami akan memperoleh secara meluas daripada rangkaian kami di seluruh dunia untuk produk terbaik."

"Hakikatnya, pasaran penjagaan kesihatan tempatan dijangka berkembang 127 peratus kepada RM127.9 bilion menjelang 2027, menunjukkan bahawa sektor penjagaan kesihatan Malaysia adalah permata tersembunyi," kata Benson.

Selain bercadang untuk meningkatkan simpanan topeng muka dan sarung tangan pakai buang, Focus akan berusaha mendapatkan

hak pengedaran untuk penggunaan yang unik, berdasarkan kesihatan dan pencegahan yang sejajar dengan makanan tambahan dan produk berdasarkan makanan lain yang bersifat perubatan atau berkaitan kesihatan.